

26/02/2001

`Pas boleh bangkit apa saja'

KUANTAN, Ahad - Pas boleh membangkitkan apa saja dalam agenda pertemuan kedua-dua pemimpin tertinggi parti itu dan Umno, kata Setiusaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, hari ini.

"Bagi kita apa saja yang hendak dibangkitkan lebih sesuai dimasukkan ke dalam agenda pertemuan, sama ada yang sudah disebut atau yang baru.

"Umno sudah memberi kuasa kepada saya untuk mengadakan perbincangan dan apa saja hendak dibangkitkan kita masuk dalam agenda pertemuan, termasuk juga dua daripada syarat yang dikenakan Pas iaitu berkaitan royalti minyak dan penerbitan akhbar rasminya Harakah.

"Kita sudah mendapat jaminan daripada Presiden Parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Umno sanggup berbincang apa saja yang hendak dibangkitkan Pas, sebaik-baiknya semua perkara yang dikatakan syarat itu disebut dalam pertemuan," katanya selepas melancarkan gotong-royong di Kampung Padang, dekat sini.

Bagaimanapun, Mohd Khalil berkata, keputusan mesyuarat Pas pada 18 Februari lalu yang membuat andaian kononnya Umno akan membangkitkan isu perkataan Islam supaya ia tidak diharamkan kepada mana-mana pertubuhan politik adalah tidak benar.

"Ini adalah kali pertama saya mendengar syarat ketiga Pas itu, sedangkan kita tidak pernah membincangkannya.

"Saya pun tidak tahu bagaimana perkara ini timbul. Kalau kita selesaikan tiga syarat ini, saya tidak tahu apa pula perkara lain yang akan dibangkitkan," katanya.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor semalam dilaporkan berkata, pertemuan penyatuan Melayu antara Umno dan Pas sukar untuk direalisasikan jika Umno enggan menunaikan tiga syarat yang dikehendaki Pas.

Pas menanggungkan pertemuan yang dijadualkan pada 19 Februari lalu dengan menggunakan tiga syarat iaitu kerajaan pusat mengembalikan royalti minyak kepada Terengganu, membenarkan penerbitan Harakah dua kali seminggu dan menolak cadangan Umno supaya melarang penggunaan perkataan Islam pada parti politik.

Mengenai suasana kondusif yang diminta Pas bagi mengadakan pertemuan itu, Mohd Khalil berkata suasana kondusif itu sepatutnya meliputi skop lebih meluas.

"Mengikut laporan yang diterima, Pas masih lagi menyerang Umno dan pemimpin Umno. Adakah ini hendak mewujudkan suasana kondusif tetapi kita tidak mengambil kira perkara itu kerana tidak mahu merumitkan pertemuan daripada diadakan," katanya.

Beliau juga menerima pelbagai nasihat dan cadangan daripada semua kalangan Umno supaya parti turut mengenakan syarat tertentu dalam pertemuan itu.

"Tetapi saya mengambil semangat bahawa dalam jawapan Presiden Pas kepada surat presiden Umno jelas di situ mengatakan kesanggupan untuk diadakan pertemuan dan perbincangan," katanya.

(END)